

26 JAN 1996

Penggiliran

TUJUH PARTI KOMPONEN BN MAHU PERDANA MENTERI PUTUSKAN

KOTA KINABALU, 26 Jan (Bernama) -- Tujuh daripada lapan parti komponen Barisan Nasional (BN) bersetuju supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan muktamad mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Yang terbaru menyatakan pendiriannya ialah Parti Maju Sabah (SAPP) yang dalam satu kenyataan hari ini menyebut "SAPP berpuas hati perkara itu diserahkan kepada Perdana Menteri untuk kata putus."

Semalam, Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) menyatakan bahawa mereka mahu Dr Mahathir selaku pengerusi BN membuat keputusan mengenai perkara itu.

Kedua-dua parti membuat pengumuman itu selepas mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak here.

Salleh juga menemui Setiausaha Agung MCA Sabah, Datuk Chau Tet On dan Pengerusi Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming bagi membincangkan perkara itu dan kedua-dua pihak mahu Dr Mahathir membuat keputusan.

Ketua Menterui berkata beliau juga menerima pandangan daripada Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk Chong Kah Kiat melalui telefon bahawa parti itu menyokong pandangan parti komponen yang lain.

Salleh berkata semua parti berkenaan juga bersetuju menyampaikan keputusan secara bertulis kepada Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu) belum menemui Salleh mengenai perkara itu kerana presiden parti Datuk Mark Koding kini berada di luar negara.

Keputusan oleh parti-parti komponen itu nampaknya menyahut apa yang Salleh cadangkan Rabu lepas bahawa jika parti komponmen gagal mencapai kata sepakat, maka lebih baik perkara itu diserahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan muktamad. -- BERNAMA